Lima strategi tersebut adalah memacu pertanian berteknologi tinggi, membangun karakter graduan UPM, melagang kampus pintar dan pendigitalan, mendukung kelestarian institusi mapan dan menatang pembudayaan norma baharu. Atas dasar itu UPM melalui entiti HEPA terpanggil untuk melestarikan konsep pertanian bandar atau pertanian moden yang sepatutnya diamalkan oleh komuniti bandar di Malaysia.

Ia digarap bersama oleh semua entiti HEPA dengan mengambil kira penglibatan staf dan pelajar. Bagi merealisasikan hasrat itu, Program Kelestarian Pertanian digerakan melalui 10 kolej kediaman UPM kampus Serdang, Selangor dan Bintulu, Sarawak diikuti oleh entiti HEPA seperti Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM), Pusat Perhubungan Alumni (ARCUPM), Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP), Pusat Sukan (PS), Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Bahagian Perumahan dan Penempatan (BPP) dan Bahagian Kaunseling (BKUPM).

Konsep Program Kelestarian Pertanian direalisasikan melalui Satu Kolej Satu Produk yang dipraktikkan di kolej-kolej kediaman.

PROJEK KELESTARIAN PERTANIAN PUTRA H.E.P.A

Pertanian merupakan cabang penting untuk UPM dan HEPA menekankan kepentingan pertanian dalam kampus selain menjadi pusat rujukan pertanian setempat. Bukan semua program pengajian boleh diadakan secara maya.

Namun begitu, kita terpaksa akur dengan norma baharu serta melihat keadaan semasa ini dari sudut positif dan apa peluang yang boleh kita ambil dalam memastikan para pelajar kita tidak ketinggalan meskipun tidak dapat bersemuka dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Pembelajaran secara maya ini memberi peluang lebih besar kepada para pelajar untuk menggunakan internet untuk mencari pelbagai informasi dalam proses pembelajaran mereka. Terdapat 10 kolej kediaman di kolej dan masing-masing mempunyai tapak untuk menjalankan aktiviti pertanian.

Tanpa mengira latar belakang program ijazah, semua pelajar UPM mempunyai peluang untuk merasa sendiri bagaimana untuk bercucuk tanam serta menuai hasil yang ditanam. Setiap kolej kediaman juga menamakan kumpulan atau tema projek dan menjenamakan produk kelestarian pertanian kolej masing-masing mengikut identiti kolej:

1. Kolej Canselor – KC Agro
2. Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah – Gempur Tani KOSASS
3. Kolej Tun Dr Ismail – KTDI Agro Garden
4. Kolej Pendeta Za'ba – KPZfresh
5. Kolej 10 – Vegeten
6. Kolej 12 – Pertanian Bandaran@K12
7. Kolej 13 – Projek Tani Lestari@K13
8. Kolej 14 – Kebun@K14
9. Kolej 17 – Agro@17
10. Kolej Sri Rajang – BeranyiGadong@KSR

Para pelajar kolej diberi kebebasan untuk memilih tanaman dan juga kaedah penanaman mengikut kreativiti masing-masing. Pelajar banyak memilih kaedah fertigasi, hidroponik dan akuaponik kerana kaedah penjagaan yang lebih mudah dan hasil yang lebih efektif.

Namun demikian, terdapat juga pelajar masih berkeyakinan dengan kaedah tradisional atau kaedah penanaman batas. Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah sebagai contoh memilih kaedah *intercropping* iaitu dua atau lebih jenis tanaman yang ditanam di atas batas bersebelahan antara satu sama lain.

Selain itu, mereka digalakkan untuk menggunakan barang terpakai dalam penyediaan tanaman atau ternakan mereka seperti Kolej Canselor menggunakan tong terpakai untuk projek penternakan ikan tilapia merah mereka. Pada mulanya, adalah sukar bagi mereka kerana ia bukanlah kepakaran mereka, namun begitu, setelah mengambil langkah pertama dalam memulakan projek ini, mereka gembira dengan hasil tuaian mereka.

Selain itu, program penanaman ini juga dilakukan oleh pelajar yang sedang berada di rumah atau luar kampus. Lebih menarik apabila pelajar ini menggunakan ruang yang terhad di rumah mereka kerana ada yang duduk di banglo, rumah teres dan apartmen.

Sememangnya projek ini diberikan kepada pelajar untuk memberi mereka ruang untuk berfikir dan menjadi kreatif ketika pandemik. Melalui projek pertanian dalam kampus ini, pelajar dapat mempelajari apa kekurangan yang mereka hadapi daripada projek tersebut, tetapi itulah objektif pembelajaran ini iaitu untuk menggalakkan para pelajar kita berupaya mengenalpasti masalah dan apa langkah yang perlu diperlukan untuk memastikan tanaman mereka tumbuh dengan elok.

Sudah pasti pelajar perlu duduk sepanjang hari di depan komputer. Sekurang-kurangnya aktiviti bercucuk tanam ini dapat membantu menyegarkan minda mereka di samping memberi mereka satu kepuasan apabila tanaman mereka membuahkan hasil. Dalam projek ini, kesungguhan dan dedikasi pelajar ini dinilai dimana objektif utama kursus ini untuk menanam sifat faham akan pentingnya kelestarian pertanian untuk kelangsungan hidup manusia sejagat.

Projek itu memberi tumpuan kepada elemen kelestarian hijau dengan memastikan projek yang dilaksanakan adalah mesra alam dengan menekankan elemen agroteknologi iaitu memastikan projek yang diusahakan menggunakan teknologi pertanian. Hasil tanaman yang diusahakan akan dipasarkan melalui kerjasama dengan agensi luar bagi mencapai elemen *agrobusiness* yang terdapat dalam domain kelestarian pertanian.

INISIATIF MEGA PROGRAM KELESTARIAN PERTANIAN PUTRA H.E.P.A

1. Projek Inkubator Top Agro @UPM – Fertigasi Rock Melon

Projek Inkubator Top Agro @UPM dilaksanakan oleh sekumpulan pelajar yang diketuai oleh Khairul Amirin Khairudin. Beliau bersama enam lagi rakan iaitu Firdaus Mohd Radzi, 23, Muhammad Imran Azman, 23, Muhamad Zahid Ahmad Fozi, 23, Muhammad Hafiz Aiman Mohd.

Khairuddin, 22, Nur Amirul Haakim Tumiran, 23 dan Ahmad Shukri Yahya, 22 memilih untuk menanam 1,300 pokok rock melon di Unit Fertigasi, Ladang Agrotek, Taman Pertanian Universiti (TPU) UPM.

Program tersebut dibiayai sepenuhnya oleh Pusat Perhubungan Alumni (PPA) dan Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) UPM dengan kerjasama Fakulti Pertanian, Majlis Perwakilan Pelajar dan Malaysian Agro Entrepreneurial Club for University Students (MyAgrosis) dan TPU yang menyediakan khidmat guna tanah seluas dua hektar.

Projek bernilai RM14,000 itu dimulakan pada 1 Januari 2021 dan telah menuai hasil buah rock melon sebanyak tiga tan pada 8 Mac 2021. Khairul Amirin Khairudin dan kumpulannya menyahut cabaran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan universiti untuk merealisasikan harapan melahirkan graduan yang mempunyai atribut keusahawanan.

Projek kelestarian pertanian ini juga memberi pendedahan dan kemahiran tentang asas usahawan pertanian atau *agropreneur* kepada pelajar.

Selain itu, mereka diberi pendedahan latihan pertanian jangka panjang agar boleh mengusahakan pertanian menggunakan kaedah fertigasi sebagai mata pencarian mereka selepas bergelar graduan kelak.

Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan asnaf menerusi kemahiran keusahawanan dan insaniah. Pokok rock melon mereka ditanam di dalam beg politin (polibag) menggunakan kaedah tanaman fertigasi iaitu tanaman moden tanpa menggunakan tanah.

Seorang pegawai pertanian yang merupakan alumni UPM menjadi mentor untuk memantau kejayaan projek berkenaan. Sepanjang tiga bulan mengusahakan tanaman tersebut, Khairul Amirin dan kumpulannya berkongsi petua untuk memberi inspirasi kepada rakan pelajar yang berminat untuk mengusahakan tanaman berkenaan. Suatu kejayaan yang dapat dibanggakan.

2. Program Structured Entrepreneurship Incubator Programme (SEIP) – Fertigasi Cili Kulai

Mohammad Arif Ramly bersama lima ahli kumpulan yang dianggotai oleh Nurazeyana Md. Othman, Chrissha Webster, Muhammad Amir Hakimi Adnan, Mior Muhammad Tahfiz Abdul Raof dan Thiery Maldini Maidin yang juga merupakan pelajar Bachelo Sains Pertanian mengaplikasikan semua ilmu yang diperolehi semasa di dalam pengajian untuk projek cili ini. Mereka berjaya menyemai sebanyak 1,000 anak pokok cili daripada benih

Sakata 461 atau nama komersilnya cili Kulai di Plot Penyelidikan Konservatori, Institut Biosains (IBS) UPM. Projek penanaman cili secara fertigasi itu telah dimulakan pada bulan April 2021. Pemilihan cili sebagai komoditi projek adalah sesuai dengan pasaran semasa yakni hanya 30 peratus pengeluaran cili dalam negara dapat menampung keperluan semasa. Cili jenis Sakata 461 ini menjadi pilihan kerana ia mempunyai permintaan yang tinggi dan sedikit rintang terhadap penyakit dan serangan serangga.

Tuaian pertama pada 24 Julai 2021 mencecah 100 kilogram (kg) dan sasaran pengeluaran sebanyak 1,000 kg sehingga akhir Ogos 2021. Terdahulu, Kementerian Pengajian Tinggi menyalurkan dana sebanyak RM10,000 untuk keperluan program ini manakala Institut Biosains (IBS) UPM bermurah hati menjadi rakan kerjasama dengan membenarkan guna tanah milik mereka sebagai tapak penanaman.

Peserta bukan sahaja didedahkan dengan ilmu keusahawanan malah mereka juga akan mendaftarkan syarikat perniagaan sendiri dan akhirnya menjadi usahawan dengan menjual hasil pertanian. Keputusan menggunakan sistem fertigasi untuk projek ini adalah sangat bertepatan kerana UPM menggalakkan para pelajar menggunakan teknologi pertanian untuk projek-projek pertanian seiring dengan aliran semasa.

Sistem fertigasi dapat memudahkan operasi ladang dari segi pembajaan dan siraman. Oleh kerana sistem fertigasi ini dikawal secara automatik, maka peserta dapat juga menumpukan perhatian kepada pelajaran tanpa mengabaikan komitmen 100 peratus terhadap projek ini.

3. HI Agro Ent. – Fertigasi Cili

Projek kerjasama Kolej Pendeta Za'ba (KPZ) dan Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) di bawah program Kelestarian Pertanian – Inkubator Keusahawanan Pelajar ini menumpukan projek penanaman cili sebanyak 1,000 pokok cili sebagai permulaan. HI Agro Ent. yang dianggotai oleh Mohd. Hakeem Mohd. Ibrahim, Muhammad Amin Abdullah Azhar, Balqis Mohamad, Muhammad Azeem Abdul Mubin dan Mohd. Syafiq Syazwan Rosli yang kesemua mereka merupakan pelajar UPM memulakan projek pada Julai 2021.

Suntikan modal daripada KPZ sebanyak RM5,000 untuk bantuan peralatan dan RM10,000 geran projek dari CEM membolehkan mereka merealisasikan impian untuk berkecimpung dalam bidang pertanian. Projek cili Kulai ini dijalankan di kawasan KPZ bersebelahan pejabat SUKSIS UPM.

Kawasan yang dahulu hanya dilitupi rumput dan menjadi tapak letak kenderaan bertukar wajah menjadi pemandangan yang menarik dengan deretan pohon cili yang sedang lebat berbuah. Projek ini menghidupkan semula fungsi kawasan KPZ dan diharap KPZ mengembangkan lagi projek kelestarian pertanian mengambil kira KPZ masih mempunyai kawasan yang sesuai dan tidak digunakan untuk sebarang aktiviti.

Cili Kulai yang kini berusia 45 hst (hari selepas tanam) dijangka boleh dipasarkan dalam tempoh terdekat. Dengan konsep segar terus ke pelanggan, promosi jualan dijangka dijalankan tidak lama lagi. Selain merancang untuk menjual secara terus, HI Agro Ent. akan turut memasarkan jeruk cili sebagai produk hiliran. Semua produk segar dan proses ini akan dipasarkan dengan jenama KPZ Fresh.

Projek yang dijalankan bagi menyahut seruan untuk UPM kembali menjadi peneraju dalam bidang pertanian berteknologi tinggi. Kaedah ini juga adalah serampang dua mata yang mana di samping menggalak penglibatan pelajar dalam bidang pertanian, ia turut berfungsi membangun potensi graduan untuk menjadi usahawan, menepati konsep *graduate as job creator*. Dengan perkembangan yang berlaku sekarang ini, projek seumpama ini akan dikembangkan lagi dengan CEM dibawah Pejabat TNC HEPA UPM selaku peneraju. Semua pihak akan sentiasa bekerjasama agar agenda pemeraksanaan graduan UPM dapat dicapai, selari dengan Seruan Al-Falah.

4. Projek MegaChili ARCUPM – Fertigasi Cili

Projek berimpak tinggi ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar untuk bertani dan menjadikan pertanian sebagai perniagaan seterusnya menjadi usahawan apabila sudah tamat belajar dengan menggunakan pengalaman yang diperoleh disamping memenuhi aspirasi teras Kelestarian Pertanian dalam Pelan Strategik H.E.P.A (2021-2023).

Pemberian geran oleh Pusat Perhubungan Alumni (ARCUPM) berjumlah RM5,000 kepada setiap kolej kediaman bagi menjalankan program dan aktiviti jalinan alumni dapat memperhebatkan usaha mempromosi institusi ini dalam segala aspek akademik dan bukan akademik di samping berperanan untuk menjadi duta UPM dalam mempromosi UPM dan memperkasa ilmu pelbagai bidang yang telah diterokai dari UPM.

Tempoh perlaksanaan projek ini adala bermula pada Mac 2021 hingga Oktober 2022. Projek ini dijalankan dengan menggunakan teknik fertigasi. Sebanyak lima siri bengkel bersama barisan alumni dan sebanyak tiga siri sembang santai bersama pelajar bachelo UPM yang mahir dan mempunyai pengalaman dalam sistem fertigasi telah diadakan kepada peserta.

Keutamaan penglibatan adalah kepada pelajar tahun akhir atau pelajar bachelo lain yang berminat menjadikan sektor pertanian sebagai kerjaya pilihan.

5. KC Agro – Aquakultur

KC Agro memulakan projek penternakan ikan tilapia merah di kawasan lapang di Kolej Canselor dan mengamalkan konsep kelestarian alam sekitar, *in-house training* serta menggunakan barangan

terpakai. Satu jawatankuasa khas diwujudkan oleh Majlis Perwakilan Kolej Canselor (MPK) dan diletakkan di bawah portfolio Naib Presiden Hal Ehwal Warga dan Pertanian untuk memperkasa agenda kelestarian pertanian KC Agro.

Pengurusan Kolej Canselor juga menyalurkan peruntukan sebanyak RM10,000 bagi tujuan pembiayaan projek kelestarian pertanian KC Agro. Jawatankuasa ini turut dipantau oleh pihak pengurusan kolej bagi memastikan projek ini direalisasikan mengikut perancangan yang dijadualkan. Aktiviti penternakan ikan tilapia merah ini telah dijalankan bermula Januari 2021 dengan menggunakan tangki terpakai yang ada di kawasan kolej sebagai tangki utama penternakan ikan.

Pada peringkat permulaan, hanya sebuah tangki digunakan untuk anak ikan tilapia merah. Setelah ikan-ikan tersebut semakin membesar, tiga buah tangki tambahan digunakan untuk ternakan. Pelajar-pelajar yang terlibat telah menjalani proses pembelajaran *in-house training* yang sangat berguna. Pelajar didedahkan dengan ilmu penternakan ikan dari peringkat awal termasuk penyediaan kolam, penjagaan kualiti air, pemilihan benih ikan, proses pemakanan, penukaran air, pengkelasan saiz ikan, perakaunan dan seterusnya menuai hasil dengan memasarkan ikan-ikan tersebut.

Jualan pertama ikan dibuat pada 3 Ogos 2021 dengan hasil tangkapan 20 kg dan jualan kedua pada 21 dan 22 Ogos 2021 dengan jumlah hasil 30 kg. Untuk memastikan projek pertanian dan penternakan ini sentiasa berada dalam keadaan terbaik, jadual kerja harian pelajar-pelajar yang terlibat disediakan dan catatan-catatan penting akan diambil untuk rujukan mereka bagi memastikan semua perkara berjalan lancar.

Selain daripada memartabatkan agenda kelestarian pertanian yang termaktub dalam Pelan Strategik H.E.P.A. 2021-2023, pelaksanaan projek penternakan ikan tilapia merah ini pada asasnya bertujuan memberi pendedahan dan ilmu pertanian serta penternakan kepada pelajar-pelajar khususnya pelajar Kolej Canselor serta menerapkan sesuatu yang berbeza selain apa yang diperolehi dalam bilik kuliah.

Pengalaman sepanjang mengendalikan projek ini memberikan satu ilmu pengetahuan yang amat bermakna kepada pelajar. Proses pembelajaran yang 100 peratus berbeza daripada program pengajian formal yang diikuti di UPM memberi suatu ilmu yang di luar jangkauan sebelum menjejaskan kaki di universiti. Ilmu yang diperolehi sepanjang proses penternakan ikan dan pertanian lain amat berguna dan yakin ia boleh memberi nilai tambah kepada pelajar apabila bekerja nanti dan dapat dimanfaatkan oleh anggota masyarakat.

Kesimpulannya, pelajar melalui pelaksanaan program kelestarian pertanian ini dapat menimba ilmu dan kemahiran dalam bidang pertanian selain dapat memupuk rasa tanggungjawab, disiplin diri dan juga kerjasama berpasukan dalam menjayakan projek ini.

PROFESOR Dr. Arifin Abdu ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Universiti Putra Malaysia (UPM).

Kerja diwarisi turun-temurun, mampu raih upah RM2,000 sebulan

30 tahun jadi penyedulup beras

Oleh YATIMIN ABDULLAH

RAWAU PANJANG - Seorang penyedulup mendedahkan bahawa dia mampu membawa masuk satu tan beras Siam ke negara ini setiap bulan dengan mendeberangi Sungai Golok menggunakan bot.

Lelaki yang mahu dikenali sebagai Lee, 45, berkata, sekali perjalanannya menggunakan bot, dia boleh membawa sebanyak 50 kilogram (kg) beras Siam dengan 10 kantung bagi beras 5 kg dan 7 kantung beras 7 kg.

Katanya, dia mula terdedah dengan aktiviti penyedulupan sejak berusia 15 tahun dengan mengambil upah sebagai 'mata-mata' yang ditugaskan untuk mengutip pergerakan anggota pasukan keselamatan.

"Pada saya, kerja membawa masuk beras ke negara ini hanya melanggar hukun kerajaan, namun tidak melanggar hukun tuhan.

"Saya hanya meryedulup masuk barangan keperluan harian dari Thailand terutama be-



PENYEDULUP beras di Sungai Golok boleh meraih upah sehingga RM2,000 sebulan bergantung bekalan yang dibawa masuk. - GAMBAR HIASAN

ras. Barangan salah seperti dadah, senjata api, pendatang asing tanpa izin (PATI) saya tidak buat," katanya ketika ditemui Kosmo/ baru-baru ini.

Cerita Lee, kerja membawa masuk beras agak rumit kerana penyedulup itu perlu memasukkan beras ke dalam bot selain

memastikan tidak melebihi muatan sebelum menyeberangi Sungai Golok.

Lee yang hanya mengambil upah sebagai penyedulup berkata, dia mampu memperoleh upah sebanyak RM2,000 sebulan bergantung kepada jumlah bekalan yang dibawa masuk.



KERATYAN Kosmol semalam.

sebagai Jerg mendedahkan, dia hampir ditectup penguat kuasa, namun berjaya meloloskan diri dengan menyeberangi Sungai Golok baru-baru ini.

Katanya, sejak insiden itu, dia mula mempertahankan kegiatan mengambil upah menyeludup beras dan beralih kepada pertanian sebagai mata pencarian.

"Kebanyakan penduduk di sempadan Malaysia-Thailand di Rantau Panjang mewarisi pekerjaan dengan mengambil upah sebagai penyedulup beras sejak turun-temurun.

"Kerja ini berisiko, namun mudah untuk mendapat upah seandainya kerja diselesaikan mengikut jadual," katanya.

'Beras Siam sehati dengan kami'

KOTA BEHARU - Rata-rata penduga kedai makan di negeri ini akan tetap menggunakan beras Siam meskipun terpaksa membelinya secara senyap-senyap dengan harga tinggi.

Seorang peniaga nasi sup di Kampung Pendek di sini, Mek Yunus, 65, berkata, walaupun bekalan burfuranan dia tidak akan menaikkan harga makanan demi meraih keuntungan.

Menurutnya, dia menjual set hidangan nasi bersama pelbagai jenis sup pada harga RMA sebungkus.

"Sebelum ini harga 25 kilogram (kg) beras ialah RM60, na-

nai status kemasukan beras Siam kerana bahan mentah tersebut merupakan barangan yang halal untuk diinknati meskipun dibawa masuk secara seludup.

"Saya sendiri tidak pandai untuk menanak nasi menggunakan beras tempatan kerana akan menjadi lembik. Jika guna beras Siam, kita tidak perlu terlahu berkira mengenai penggunaan air kerana teksurnya akan tetap berderai.

"Penggunaan beras Siam sudah sehati dengan kehidupan kami sejak berpuluh tahun, sudah untuk kami beralih kepada beras tempatan," jelasnya.



SEORANG pekerja sebuah kedai makan di Pekan Tanjung, Pahang Selatan menuliskan burfuranan nasi yang diimasat menggunakan beras Siam semalam. - ZULHANIFA SIDEK



SUHAILI dan suaminya, Ismail menunjukkan buah anggur yang ditanam di tapak kedai makannya di Kampung Baru Si Rusa, Port Dickson semalam.

Suami isteri jadikan anggur sumber rezeki

Oleh NOR SHAFAWATI YUP

PORT DICKSON – Situasi pandemik Covid-19 mendorong sepasang suami isteri nekad menceburi bidang tanaman anggur selepas perniagaan makanan yang diusahakan sejak 14 tahun lalu terjejat.

Suhaili Ahmad, 44, dan suaminya, Ismail Mohd, 45, pada mulanya menanam anggur sekadar hobi sebelum menjalankannya secara serius tahun lalu.

Suhaili berkata, sebanyak 80 anak benih pokok anggur daripada 21 varian telah berjaya ditanam di tapak kedai makannya yang sebahagiannya telah berbuah dan memberikan hasil.

"Pada mulanya kami beli 80 benih anak pokok anggur daripada pelbagai varian dengan modal RM2,000 dan membuat eksperimen serta mempelajari

teknik tanaman yang betul melalui laman sosial, YouTube.

"Saya tanam pelbagai jenis tetapi setakat ini tujuh varian anggur telah berbuah antaranya IAC, Jupiter, Isabella, Vales, Dakon, Alfonso dan Red Globe," katanya ketika ditemui di Kampung Baru Si Rusa di sini semalam.

Jelas Suhaili, sebenarnya penjagaan anggur ini agak mudah jika kita mengaplikasikan teknik yang betul selagi menimba ilmu daripada guru yang mahir dalam bidang pertanian.

"Jaga pokok anggur tidak susah cuma ia sensitif dengan cuaca hujan kerana boleh menyebabkan buahnya masam atau kurang manis jika air bertakung.

"Bagi mengelakkan pokok anggur ini rosak apabila hujan lebat, kami memasang tumbung penahan haba," katanya.

Subsaili memberitahu, mereka juga menjual benih pokok anggur berharga RM50 hingga RM200 mengikut jenis dan saiz pokok kepada pelanggan terutama di sekitar negeri ini.

"Anggur ini boleh ditanam dalam tanah atau pasu dan menariknya buah ini paling cepat berbuah berbanding tanaman lain.

"Pokok anggur jika penjagaan betul serta baja cukup boleh menghasilkan 50 hingga 100 gus anggur," katanya.

Menurut Suhaili, selain menanam anak benih, keratan dahan pokok anggur juga boleh digunakan sebagai anak pokok.

Tambah Suhaili, pada masa depan beliau berhasrat menjadikan kebun anggurnya itu sebagai projek komersial dan menjadi tarikan pelancong ke Port Dickson satu hari nanti.

Dahulu jual karpet, kini jual buah-buahan jana pendapatan



SOHRAB menyusun pisang yang dijual di Bangunan Umno Tampin, pekan Tampin baru-baru ini.

TAMPIN – Seorang warga emas tetap gigih mencari rezeki bagi menyara keluarganya dengan berniaga pelbagai jenis buah-buahan di Pekan Tampin di sini, sejak pandemik Covid-19.

Sohrab Qudus, 63, berkata, dia memilih untuk menjual buah memandangkan perniagaan karpetnya yang baru diusahakan enam bulan lalu sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu tidak boleh beroperasi susulan ia termasuk dalam sektor bukan barang keperluan.

Menurut Sohrab, sekiranya dia tidak mengubah barang jua-

lan, dia bakal kehilangan pendapatan dan keadaan itu tentulah sukar memandangkan dia masih mempunyai dua orang anak yang menuntut di institusi pengajian tinggi swasta.

"Pada mula jual buah, memang sukar dapat pelanggan, lama-kelamaan, saya sudah ada pelanggan tetap yang hendak beli pisang dan kelapa muda. Sekarang saya mampu jual sekitar 70 kilogram pisang dan 50 biji buah kelapa muda.

"Ada juga yang mencari buah-buahan ini untuk kesihatan terutama yang ada saudara pesakit Covid-19," katanya ketika ditemui

di Bangunan Umno Tampin di sini, baru-baru ini.

Sohrab berkata, perniagaan buah-buahan itu merupakan perniagaan ketiga yang dilakukannya.

Sebelum ini dia meneruskan perniagaan roti ayahnya di sebuah ladang di Gemeneh.

Menurutnya, perniagaan itu tidak lagi dijalankan memandangkan persaingan yang sengit dengan roti keluaran syarikat ternama dan besar.

"Saya tak putus semangat untuk cari rezeki halal, apa yang penting usaha untuk cari rezeki halal," ujarnya.



Ikan patin 'lemas'

RIZAMI memandu ikan patin sebesar satu kilogram yang masih tidak terjual ketika ditemui di sangkarnya di Sungai Semantan, Tenreiroit semalam.

RAMAI penternak ikan patin sangkar di Temerloh, Pahang kini pening kepala memikirkan cara untuk mencari pelanggan ekoran kurang permintaan daripada pengusaha restoran, sedangkan bekalan ikan itu semakin bertambah.

Kekurangan permintaan daripada pengusaha restoran berlaku kerana masih banyak kedai makan tidak beroperasi sepenuhnya sepanjang pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) bertasa.

Seorang penternak, Nozmi Mohd.

Rodzi, 37, berkata, jika sebelum ini dia mampu memasarkan sehingga 200 ekor ikan sehari, tetapi sekarang secara puratanya hanya 20 ekor ikan sehari, sekali gus menyebabkannya mengalami kerugian.

*** LAPORAR PENJUH DI MUKA 2**

PERMAISURI SELANGOR HADIAHKAN FAZURA SYILING EMAS *3
 Aktres popular itu sentiasa menjadi individu yang baik kepada baginda



Ayam naik harga hingga RM10 sekilogram

HARGA ayam segar di beberapa negeri menunjukkan kenaikan sehingga mencecah RM10 sekilogram sejak minggu lalu berbanding harga di bawah RM6 sekilogram sebelum ini ekoran tindakan penternak serta pemborong yang didakwa menaikkan harga bekalan ayam.

*** BERITA DI MUKA 3**

Penternak ikan sangkar di Temerloh pening kepala cari pelanggan

Patin banyak, tetapi tiada pembeli

Oleh ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN

TEMERLOH - Industri penternakan ikan patin yang cukup popular di daerah ini sehingga digelar sebagai bandar ikan patin kini terjejas teruk akibat penutupan pandemik Covid-19 sejak lebih setahun lalu.

Aktiviti penternakan ikan patin sebelum ini menjadi tumpuan golongan muda kerana menjanjikan pendapatan yang lumayan, namun kini mereka terpaksa menanggung kerugian.

Lambakan ikan patin mula berlaku akibat penutupan operasi kedai makan ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini.

Malah, ketika ini masih ramal pengusaha restoran yang tidak membuka sepenuhnya operasi perniagaan mereka sepanjang pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) berfasa menyebabkan permintaan terhadap bekalan ikan patin berkurangan.

Seorang penternak, Nazimi Mohd. Rodzi, 37, berkata, situasi itu menyebabkan penternak ikan patin di sepanjang Sungai Pahang dan Sungai Semantan di sini dihimpti kebimbangan.

Menurutnya, dia yang mempunyai kira-kira 40,000 ekor ikan patin di dalam 11 sangkar di Sungai Semantan terpaksa mencari alternatif lain untuk memasarkan ikan berkenaan.

"Sebelum ini saya boleh memasarkan sehingga 200 ekor ikan sehari ke pasar basah dan pasaran tempatan, tetapi kini hanya mampu menjual secara puratanya 20 ekor ikan sehari," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Nazimi berkata, keadaan itu juga menyebabkan ikan patin yang kebiasaannya habis dijual ketika mencapai berat 800 gram,



IKAN patin sememangnya sinonim dengan masakan tempoyak yang menjadi kegemaran ramai. - GAMBAR HIASAN

tetapi kini mencapai berat lebih satu kilogram, malah ada ikan yang mati.

"Situasi ini menyukarkan lagi untuk ikan-ikan ini dijual kerana pembeli biasanya akan memilih ikan yang beratnya kurang daripada satu kilogram.

"Peniaga kedai makan juga ketika ini tidak dapat beroperasi sepenuhnya menyebabkan mereka mengurangkan permintaan.

"Pengusaha restoran juga hanya membeli ikan patin daripada penjual yang dapat memberikan harga di bawah harga

MOHAMAD FIKRI menunjukkan ikan patin yang tidak terjual di disangkalnya di Sungai Semantan, Temerloh semalam.

pasaran," ujarnya.

Harga borong ikan patin ialah RM13 sekilogram.

Katanya, ikan-ikan patin yang sebelum ini dipasarkan di luar Pahang juga tidak dapat dijual ekoran larangan rentas negeri.

Seorang lagi penternak, Mohamad Fikri Abdul Rahman, 31, berkata, kerugian yang dialami menyebabkan dua rakannya yang sama-sama berkongsi modal untuk memulakan penternakan ikan patin sejak tahun 2015 bertindak menarik diri.

Katanya, dia juga terbeban untuk menyediakan makanan ikan itu dalam keadaan harga makanannya yang semakin naik.

"Berdasarkan bajet, satu sangkar ikan memerlukan kos sebanyak RM6,000 untuk makanan

Ikan Patin

- Nama saintifiknya *Pangasius Sutchi*
- Spesies ikan air tawar jenis meserba
- Tidak bersilik dan berkulit lembut
- Saiznya boleh mencecah satu meter panjang dan berat mencecah 20 kilogram
- Ikan patin di Pahang terkenal dengan keenakan dan kelembutannya
- Masakan yang menjadi identiti bagi ikan ini adalah masak tempoyak

Harga sekilogram hidupan sungai

• Patin muncung	RM450
• Patin buah	RM160
• Patin sangkar	RM17
• Kelah	RM280
• Jelawat	RM280
• Kerai	RM95
• Tengalan	RM95
• Cohok	RM75
• Tapah	RM75
• Temallian	RM65
• Baupg	RM40
• Udang galah	RM100

semusim iaitu lapan bulan, namun kini telah setahun lebih menyebabkan kosnya melebihi bajet dan saya tidak mampu lagi membeli makanan ikan.

"Saya tidak tahu apa lagi hendak dibuat kerana kalau dapat dijual dalam jumlah yang sedikit, ia sekadar mampu menampung untuk membeli makanan ikan.

"Kami golongan muda tidak boleh lagi bergantung kepada penternakan ikan dan mungkin terpaksa cari kerja lain," ujarnya.

Kerajaan negeri pandang serius isu lambakan patin

TEMERLOH - Kerajaan negeri memandang serius masalah yang dihadapi penternak ikan patin sangkar di negeri ini yang menghadapi kesukaran memasarkan ikan akibat pandemik Covid-19.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semantan, Datuk Nor Azmi Mat Ludin berkata, kerajaan negeri sedang berusaha

membantu penternak terbabit termasuklah melalui agensi-agensi berkaitan.

Menurutnya, beliau telah membangkitkan perkara itu dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) baru-baru ini dan ia mendapat perhatian daripada Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan

Bioteknologi, Datuk Seri Mohd. Sofi Abd. Razak.

"Exco berkenaan telah meminta pihak dan agensi berkenaan mengambil tindakan segera.

"Jadi kita berharap tindakan segera dapat dilakukan agensi terbabit dan saya sendiri sentiasa mengambil tindakan susulan agar nasib penternak yang juga

terdiri daripada golongan muda terbela," katanya kepada *Kosmo!*

Nor Azmi memberitahu, ketika ini terdapat kira-kira 200 penternak ikan sangkar direkodkan di daerah Temerloh yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

Katanya, kekurangan permintaan ikan patin secara mendadak akibat pandemik Covid-19

memberi kesan besar kepada penternak yang berhadapan dengan kerugian.

"Walaupun ikan ini tidak dapat dijual, mereka tetap terpaksa memberi makanan kepada ikan-ikan ini, jadi bantuan makanan dan pasaran ikan perlu dilakukan segera bagi membantu mereka," ujarnya.

Kenaikan ternakan itu di pasar awam bimbangkan pengguna, peniaga makanan

Harga ayam cecah RM10 sekilogram

Oleh HASLIZA NUSI, RASDAN AHMAD dan NUR ANATI JUHARI

GEORGE TOWN - Harga ayam segar di pasar-pasar awam di seluruh negara mencatat kenaikan ketara sehingga mencecah RM10 sekilogram sejak minggu lalu, sekali gus menimbulkan keresahan dalam kalangan pengguna dan peniaga makanan.

Tinjauan Kosmo! di beberapa buah pasar awam mendapati, kenaikan itu tidak dapat dielak ekoran harga yang dikenakan di peringkat penternak dan pemborong juga cukup tinggi.

Di **George Town**, Pulau Pinang, beberapa peniaga di pasar awam di daerah Barat Daya dan Timur Laut mula memamerkan tanda harga baharu iaitu RM10 sekilogram, berbanding sekitar RM9 hingga RM9.50 sekilogram sebelum ini.

Rata-rata mereka mendakwa terpaksa meletakkan harga tersebut selepas berlaku kenaikan harga ayam hidup dan proses di peringkat penternak serta pemborong.

Bagaimanapun, masih terdapat peniaga yang tidak sanggup menaikkan harga, sebaliknya mengekalkan pada harga asal iaitu RM9.50 hingga RM9.60 sekilogram semalam.

Berbanding di pasar raya atau premis peruncitan, harga ayam segar dijual sekitar RM6.99 hingga RM7.99 sekilogram.

Seorang peniaga, Harun Ismail, 52, berkata, trend kenaikan harga ayam segar telah berlaku sebanyak empat kali sejak bulan lalu daripada peringkat pen-



HARGA ayam segar di pasar-pasar awam di beberapa buah negeri dilaporkan melonjak sehingga mencecah RM10 sekilogram sejak minggu lalu. - CAMBAR HIASAN

nak sehinggalah peniaga.

"Kami pun tidak pasti punca sebenar kenaikan harga ayam, tetapi ramai dalam kalangan peniaga termasuk pemandu lori mendakwa ia berpunca daripada kenaikan harga dedak haiwan ternakan itu ketika ini.

"Saya sudah leth dengan kenaikan harga ayam ini. Jika saya kealkaan harga RM8.60 hingga RM9, memang akan berdepan kerugian. Inipun saya masih letak harga lama iaitu RM9.50 sekilogram dan tak untung pun.

"Melihat keadaan semasa ketika ini dengan ramal daripada

dadak itu cukup membebankan golongan mereka yang baru memulakan semula perniagaan setelah kerajaan membenarkan kedai makan beroperasi.

"Memang ada pilihan untuk beli ayam di beberapa tempat lain antaranya di Tesco dan NSK, namun premis itu juga kadangkala kehabisan stok sekiranya kita terlambat.

"Terpaksa juga beli di pasar berdekatan, memang saya terkejut dengan harga sekilo ayam yang sudah mencecah RM10," jelasnya.

Di **Alor Setar, Kedah**, kenaikan harga bekalan ayam daripada pembekal menjadi antara faktor peniaga terpaksa menaikkan harga ternakan itu sehingga RM7.99 sekilogram.

Tinjauan di beberapa pasar dan pasar raya mendapati, rata-rata peniaga terpaksa menaikkan harga ayam kerana bekalan ayam yang diperolehi juga mahal.

Seorang peniaga ayam, Muhammad Zubair, 28, berkata, dia yang biasa menjual ayam bawah harga RM7.30 sekilogram juga terpaksa menaikannya sehingga RM7.90 sekilogram.

"Berdasarkan maklumat pembekal, mereka dakwa kos harga makanan ternakan semakin mahal dan terpaksa menaikkan sedikit harga bekalan kepada peniaga.

"Tambahan, saya juga perlu mengira kos lain seperti sewa kedai dan gaji pekerja yang sekurang-kurangnya ada untung untuk meneruskan perniagaan," katanya ketika ditemui di kedainya di sini semalam.

sekilogram dan kemudiannya terus naik berkali-kali sehingga RM10 sejak tiga hari lalu.

"Sampai ke hari ini, kami tidak dimaklumkan mengenai punca sebenar kenaikan harga ayam dan hanya mendengar dakwaan daripada pihak pembekal hari ini (semalam) yang mengatakan banyak ayam mati di ladang.

Di **Petaling Jaya, Selangor**, rata-rata pengusaha kedai makan terkejut apabila mendapati harga sekilogram ayam bersih telah mencecah RM10 sejak Ahad lalu.

Seorang peniaga, Izman Hafiz berkata, harga yang naik men-

Belajar biak ikan laga di YouTube

Kuala Terengganu: Bermula secara suka-suka, seorang lelaki tidak menyangka hobi membela ikan laga bagi mengisi masa luang ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bertukar sebagai punca pendapatan.

Ahmad Muazan Ramlee, 28, berkata dia amat bersyukur apabila perniagaan ikan laga yang dijalankan secara atas talian kini menjadi punca rezekinya.

Menurutnya, pelaksanaan PKP menyebabkan segala aktiviti luar terpaksa dihentikan sebelum memilih untuk menjalankan perniagaan ikan hiasan.

Katanya, bagi mengisi masa, dia membela dua pasang ikan laga spesies biasa yang dibeli dengan harga lebih RM50.

"Daripada sekadar hobi, kini saya jadikan ikan hiasan ini sebagai perniagaan selepas mendapati ia mampu menjana pendapatan.

"Sehingga kini saya memiliki ribuan ikan hiasan pelbagai spesies yang dibiak sendiri dianggarkan kesemuanya bernilai lebih RM15,000," katanya ketika

ditemui di Kampung Pulau Sekati di sini.

Katanya, dia memulakan perniagaan itu pada Jun tahun lalu dan kini memiliki pelbagai spesies ikan laga antaranya Half Moon Palakat (HMPK), Avatar, Black Samurai, Super Red, Super Black dan Galaxy.

"Saya mempromosi jualan ikan laga ini menerusi media sosial dan setakat ini yang paling mahal pernah saya jual ialah spesies Avatar dengan harga RM200 seekor.

"Walaupun hasil jualan rendah, tetapi saya bersyukur apabila puas dapat melihat ikan-ikan ini yang pelbagai warna," katanya.

Menurutnya, dia mempelajari kaedah pembiakan ikan laga menerusi aplikasi YouTube selain perkongsian pengalaman dan nasihat daripada peminat ikan berkenaan.

Katanya, dia juga meletakkan daun pisang kering di dalam bekas pembiakan bagi mengawal suhu air selain daun berkenaan boleh menghasilkan infra suria iaitu makanan untuk anak ikan.



MUAZAN menunjukkan ikan hiasan jenis Avatar antara spesies berkualiti miliknya di Kampung Pulau Sekati.



SOHRAB QUDDUS menyusun pisang yang dijualnya di premis perniagaan permaidani yang diusahakannya di Jalan Besar, pekan Tampin, Tampin, Negeri Sembilan. - **UTUSAN/MOHD. SHAJUEHAN MAAAMIN**

Jual buah-buahan selepas jualan permaidani terjejas

TAMPIN: Selepas perniagaan permaidani tidak dibenarkan beroperasi ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), seorang warga emas dekat sini mengambil langkah segera dengan menjalankan perniagaan menjual buah-buahan.

Sohrab Quddus, 63, berkata, dia memilih untuk menjual buah-buahan selepas enam bulan menjalankan perniagaan permaidani di sebuah premis kedai di pekan Tampin di sini.

Jelasnya, jika dia tidak mengubah produk jualannya itu, dia akan hilang pendapatan terutama bagi menampung keperluan kehidupan keluarga termasuk me-

nantung dua orang anak yang masih menuntut di institut pengajian tinggi (IPT) swasta.

"Pada mulanya sukar juga namun lama kelamaan saya mendapat banyak pelanggan yang mahu membeli buah pisang dan juga kelapa muda," katanya ketika ditemui di premis perniagaannya di Jalan Besar, pekan Tampin, dekat sini baru-baru ini.

Sohrab berkata, perniagaan buah-buahan itu merupakan perniagaan ketiga yang dilakukannya selepas pernah menjalankan perniagaan roti di Gemencheh.

Menurutnya, perniagaan roti tersebut tidak lagi dijalankannya memandangkan persaingan sengit

dalam perniagaan berkenaan

"Saya tidak putus semangat dalam mencari rezeki. Jadi saya cuba berniaga bersama seorang lagi kenalan yang juga warga emas di kedai ini.

"Kini apa yang saya harapkan ialah agar Covid-19 dapat berakhir dan orang ramai dapat kembali mencari rezeki melalui pelbagai pekerjaan.

"Jika orang ramai mempunyai pendapatan seperti biasa, golongan perniaga juga pasti akan mendapat tempas apabila lebih ramai lagi yang akan turut berbelanja," katanya yang akan kembali meneruskan perniagaan permaidani selepas dibenarkan beroperasi.

7/9/2021

13

SINAR HARIAN
ISU NYAH WARTA HUTAN SIMPAN

ISU NYAH WARTA HUTAN SIMPAN

13

PKPS tak ceroboh Hutan Simpan Kekal

Projek SSAP berstatus tanah pertanian dan bukannya HSK

Oleh ENGRU SHARFUJI, AZNI

SHAH ALAM

Tapak projek pembangunan pertanian bersepadu, Selangor Smart Agro Park (SSAP), yang dikaitkan dengan dakwaan isu pencerobohan merupakan tanah hak milik Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) berstatus tanah pertanian dan bukannya berstatus hutan simpan kekal.

PKPS dalam kenyataan pada Isnin memetik dakwaan bahawa pihaknya telah menceroboh dan membuka sebahagian kawasan Hutan Simpan Sungai Panjang di Sabak Bernam yang kononnya dikatakan hutan gan-tian berikutan penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU).

Manfaat itu merujuk kepada laporan daripada beberapa portal berita yang memetik kenyataan media kerajaan pertubuhan bu-kan kerajaan (NGO) *The Coalition for the Protection of Selangor's Forests* serta kenya-

taan Pengarah Global Environmental Centre (GEC), Faizal Parish dalam program temu bual *Consider This: Astro Awani* pada Khamis.

Menurut kenyataan tersebut, tuduhan itu dilakukan dengan mengaitkan nyah warta HSKLU dengan tanah milik persendirian PKPS yang akan dibangunkan sebagai tapak Inisiatif Jaminan Bekalan Makanan Negeri Selangor.

"Tapak projek pembangunan pertanian bersepadu dikenali se-bagai Selangor Smart Agro Park (SSAP) yang dikaitkan dengan tohmahan berkenaan merupakan tanah hak milik PKPS berstatus pertanian dan bukan berstatus HSK seperti yang disahkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) menerusi surat Bil (9) dalam PHN.SFL.100-5/3/60 Jld 3 bertarikh 16 April 2021 serta Pelan Fizikal Negara, Pelan Struktur Negeri dan Pelan Rancangan Tempatan (Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)).

"PKPS ingin menegaskan isu nyah warta HSKLU tiada kaitan langsung dengan pihak PKPS.

"Kami juga menafikan sekeras-kerasnya tuduhan ber-kenaan dan menyifatkannya se-bagai kenyataan yang berniat jahat dan subversif bagi merosak-kan imej PKPS dan secara tidak langsung ingin menasabotaj in-



Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor pada 5 Mei lalu memutuskan kira-kira 536.70 hektar daripada keseluruhan kawasan HSKLU diluluskan untuk diusahawarta.

siatif kerajaan Selangor yang di-rancang bagi kepentingan rakyat negeri itu," menurut kenyataan tersebut pada Isnin.

Dalam pada itu, PKPS me-maklumkan pihaknya sedang menyiapkan laporan Environmental Impact Assessment (EIA) dan mematuhi semua saranan serta arahan dari Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor sebelum me-mulakan kerja-kerja pembangun-an di tapak SSAP seperti diarah-kan oleh JAS menerusi surat kelulusan bertarikh 31 Mei 2021.

Menurut kenyataan tersebut, JAS membenarkan PKPS me-lakukan kerja-kerja pembaikan

atau seperti pembinaan sistem perparitan, kolam takungan, pen-stabilan tanah, kawalan hakisan tanah dan kelodakan serta kawala-mandangkan kawasan berkenaan sering dilanda bencana banjir serta dicerobohi oleh pihak tidak bertanggungjawab sejak tahun 2000.

"PKPS menerima aduan me-ngeuai imej satelit yang me-nunjukkan bahawa berlaku pen-cerobohan oleh pihak luar di dalam kawasan SSAP dan sekitar HSK Sungai Panjang pada 28 Ogos 2021 dan langkah pen-cegahan dibuat dengan pe-mantauan ketat di keseluruhan

tapak hak milik PKPS seluas 971 hektar.

"Kerajaan Selangor me-nyerahkan hak penjagaan kawa-san ini kepada PKPS bagi me-mudahkan pemantauan dan mengelakkan pencerobohan di-lakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

"PKPS juga sedang meng-ambil langkah-langkah pen-cegahan khas bagi memastikan tidak lagi berlaku kejadian pen-cerobohan memandangkan PKPS sedang mematuhi notis arahan pemberhentian kerja (SWO) yang dikeluarkan oleh JAS pada 8 April 2021," kata kenyataan itu lagi.